

04 MAY 2001

Abdullah-Akta (Bergambar)

AKTA PERANCANG BANDAR DAN DESA DIPINDA UNTUK CAPAI KESERAGAMAN

PUTRAJAYA, 4 Mei (Bernama) -- Akta Perancang Bandar Dan Desa 1976 akan dipinda pada sesi Parlimen Julai depan bagi mewujudkan perhubungan yang bersepadu antara setiap kerajaan negeri dengan kerajaan pusat dalam melaksanakan tanggungjawab masing-masing.

Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata mesyuarat Majlis Negara Bagi Kerajaan Tempatan (MNKT) hari ini sebulat suara meluluskan cadangan terhadap pindaan akta itu supaya satu keseragaman undang-undang dan dasar-dasar perancangan bandar dan desa dapat dicapai.

"Pindaan terhadap Akta 172 itu juga untuk meningkatkan perhubungan dan kerjasama di antara setiap kerajaan negeri bagi menyelaraskan dan menangani isu-isu pembangunan yang melewati sempadan negeri serta memastikan penggunaan mapan sumber-sumber negeri," katanya pada sidang media selepas mempengerusikan mesyuarat MNKT di sini.

Mesyuarat itu turut meluluskan tujuh kertas cadangan yang dikemukakan oleh pihak-pihak berkuasa tempatan dan negeri termasuk satu lagi pindaan terhadap Akta Hiburan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur pindaan 2001 supaya tindakan penguatkuasaan oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) akan lebih berkesan.

Abdullah berkata pindaan Akta 172 itu juga bermatlamat supaya setiap perancangan di sesuatu kawasan yang melibatkan dua atau tiga negeri harus mempunyai kerjasama.

"Misalnya pembangunan di Putrajaya, untuk bangunkannya kita memerlukan kerjasama antara Kerajaan Persekutuan (Kuala Lumpur), Selangor dan Negeri Sembilan untuk atasi sebarang masalah sebelum pembangunan selesai," katanya,

Beliau berkata objektif pindaan Akta 172 juga ialah sebagai usaha memantapkan dan meningkatkan keberkesanan tindakan pemeliharaan, penggunaan dan kemajuan semua tanah dan bangunan di peringkat negeri dan tempatan.

"Ini supaya sesuatu aktiviti pembangunan itu mendapat pandangan menyeluruh sebelum dibenarkan untuk dilaksanakan," katanya.

Cadangan pindaan Akta 172 juga, menurut Abdullah, ialah untuk mewujudkan apa yang dipanggil Majlis Lembah Klang bagi membentuk koordinasi antara Kuala Lumpur dan Selangor dalam sebarang perancangan yang akan dilaksanakan di kedua-dua negeri.

"Kita juga bercadang menubuhkan Majlis Perancangan Fizikal Negara (dalam pindaan Akta 172) yang akan bertindak sebagai forum perundingan di peringkat persekutuan bagi membolehkan kerajaan di setiap negeri dan kerajaan persekutuan membincangkan perkara yang berkaitan dengan perancangan bandar dan desa secara bersama," katanya.

Majlis itu akan dipengerusikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad manakala Abdullah sebagai timbalan pengerusi.

Abdullah berkata pindaan Akta 172 itu juga dilihat dapat memperkukuhkan peranan jawatankuasa perancang negeri apabila fungsi baru iaitu mengatur, mengawal dan menyelaraskan semua aktiviti pembangunan di dalam negeri, dimasukkan dalam akta.

"Ini penting kerana pada masa ini ada kelemahan dalam hal yang berkaitan dengan perancangan negeri, misalnya bagi kawasan tertentu yang pegawai daerah diberi peranan manakala pihak profesional dalam bidang perancangan tidak terlibat, ini mengakibatkan pembangunan di kawasan itu menimbulkan masalah," katanya.

Pindaan itu juga akan memberi peruntukan supaya jawatankuasa perancang

negeri dapat mengarahkan PBT mengambil kira dan mematuhi arahan-arahan daripada jawatankuasa perancang negeri bagi memastikan perancangan yang dijalankan oleh PBT adalah baik dan menepati matlamat pembangunan, katanya.

"Kesimpulannya dengan adanya pindaan ini kita harap perancangan yang telah dilaksanakan pada peringkat negeri dapat dijalankan dengan baik dan terancang.

"Majlis (Perancangan Fizikal Negara) itu pula akan bertindak sebagai majlis perundingan dan tidak menjadi niat kerajaan persekutuan untuk mengganggu perancangan yang telah dijalankan di peringkat negeri. Cuma yang perlu ialah ditawarkan khidmat nasihat dan kepakaran yang terdapat dalam kerajaan persekutuan," katanya.

Abdullah berkata mesyuarat MNKT turut meluluskan kertas cadangan daripada Jabatan Pengairan dan Saliran supaya kaedah baru yang dipanggil Manual Saliran Mesra Alam bagi mengatasi masalah banjir terutama di kawasan pembangunan diguna pakai oleh semua pemaju berkuatkuasa serta-merta.

Manual itu yang diluluskan kabinet Jun tahun lepas setakat ini digunapakai oleh lapan negeri tidak termasuk Kuala Lumpur, dan MNKT harus secara perundangan meluluskan manual itu supaya menjadi satu dasar wajib untuk semua pemaju menggunakannya.

"Manual itu merupakan satu syarat kelulusan dalam pelan pembangunan melibatkan infrastruktur saluran yang harus digunapakai semua pemaju," katanya.

Abdullah berkata kertas cadangan lain yang diluluskan ialah supaya kerajaan negeri meminda perundangan subsidiari mewajibkan semua bangunan baru berkuatkuasa 1 Jun 2002 menggunakan sistem dua simbahan untuk menjimatkan penggunaan air dengan kapasiti air tidak melebihi enam liter.

Kapasiti air yang dibenarkan sekarang ialah antara 9 hingga 11 liter.

"Ini perlu diambil kira dan dilaksanakan oleh pemaju perumahan dan kerajaan yang membina bangunan-bangunan sebagai satu sistem yang mesti dipakai supaya ia dapat menjimat air," katanya.

Beliau berkata selain itu MNKT juga menetapkan kriteria kepadatan penduduk dan hasil tahunan sekiranya PBT mahu dinaik taraf kepada Majlis Bandaraya manakala Majlis Daerah kepada taraf Majlis Perbandaran.

"Sebab adanya permintaan daripada banyak negeri untuk menaikkan taraf PBT dan Majlis Daerah ini, jadi kita putuskan kriterianya," katanya.

Sekiranya ingin dinaik taraf kepada Majlis Bandaraya, PBT harus mempunyai bilangan penduduk tidak kurang daripada 300,000 orang dan hasil tahunannya juga tidak kurang daripada RM80 juta.

Bagi penaiktarafan kepada Majlis Perbandaran, sesuatu Majlis Daerah harus mempunyai kepadatan penduduk tidak kurang daripada 100,000 manakala hasil tahunannya pula tidak kurang daripada RM10 juta.

"Dengan adanya kriteria itu lebih mudah kita nak buat pertimbangan memberi kelulusan kepada tuntutan kerajaan negeri untuk naik taraf," katanya.

Cadangan lain yang diluluskan ialah pelaksanaan pengambilalihan perkhidmatan kesihatan oleh Kementerian Kesihatan daripada 50 PBT dengan kedudukan kewangan yang tidak begitu kukuh.

"Dengan adanya pengambilalihan itu maka kawalan lebih efektif dapat dilaksanakan iaitu sekiranya berlaku pembiakan penyakit bahaya di sesuatu kawasan maka dengan cepat Kementerian Kesihatan boleh bertindak," katanya.

Bagaimanapun jika dipertanggungjawabkan kepada PBT kecil, Abdullah berkata mereka mungkin tidak mampu bertindak dengan segera kerana masalah kewangan, kekurangan tenaga atau faktor lain.

Kertas cadangan keenam yang diluluskan ialah supaya PBT mengambil tindakan menjadikan tapak-tapak yang sesuai, terbiar atau diguna secara tidak rasmi oleh penduduk tempatan sebagai milik PBT.

Ini kerana terdapat pihak tertentu yang membangunkan kawasan lapang

awam yang sepatutnya dijadikan kawasan riadah atau rekreasi, sebagai tapak komersil dan masalah itu tidak dapat diatasi jika kawasan itu milik individu atau pemaju.

Cadangan pindaan Akta Hiburan Wilayah Persekutuan pula ialah meningkatkan denda dan penalti terhadap kesalahan tertentu termasuk tempat hiburan tanpa lesen dan mengiklan hiburan tanpa lesen.

-- BERNAMA
ZAI AHH NMO